

## **BAB ENAM**

### **KESIMPULAN**

#### **6.0 Rumusan Kajian**

Bab ini merupakan rumusan kajian. Justeru, rumusan kajian melihat kepada aspek-aspek dialog kehidupan yang menyentuh tentang pengetahuan, sikap, aplikasi, faktor dan cabaran yang dilalui komuniti Cina Muslim pada sebelum dan selepas konversi agama Islam. Bab ini juga diakhiri dengan beberapa cadangan bagi mengukuhkan dialog kehidupan dalam konteks hubungan antara agama dan kaum di Malaysia khususnya di negeri Terengganu Darul Iman.

Meskipun merupakan kelompok yang kecil daripada jumlah bilangan penduduk negeri Terengganu, namun hasil kajian mendapati komuniti Cina merupakan etnik yang terbesar memeluk agama Islam di negeri tersebut. Faktor yang mendorong konversi agama Islam dalam kalangan komuniti ini ialah pergaulan dengan rakan Muslim, perkahwinan, dorongan keluarga, pengkajian dan hidayah daripada Allah. Kesemua faktor ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu faktor sosialisasi dan faktor bukan sosialisasi. Bahagian pertama memperlihatkan wujudnya elemen-elemen dialog kehidupan seperti pergaulan, perkahwinan dan dorongan ahli keluarga yang telah melakukan pemeluk agama Islam. Manakala bahagian kedua merujuk peranan intelektual dan hidayah Ilahi. Dinamika dialog kehidupan penglibatan komuniti Cina pra konversi dapat disaksikan melalui proses sosialisasi yang berlaku dengan spontan

dengan rakan, keluarga yang telah memeluk agama Islam dan komuniti Melayu Muslim tempatan. Informasi tentang agama Islam yang diperolehi daripada pengalaman dialog kehidupan membolehkan komuniti Cina membuat perbandingan dengan lebih jelas tentang fenomena yang berlaku dalam sesebuah agama. Ini bermakna dimensi dialog kehidupan dalam kalangan komuniti Cina membentuk citra yang sebenarnya tentang agama Islam dan masyarakat Muslim yang selanjutnya mendorong sebahagian daripada komuniti ini melakukan konversi agama Islam.

Sekalipun istilah ‘dialog kehidupan’ begitu asing dalam kalangan masyarakat awam Cina, namun hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan masyarakat Cina Muslim terhadap beberapa perkara asas konsep dialog kehidupan berada pada skala yang sederhana. Kajian mendapati dialog kehidupan diakui sebagai satu wacana antara agama yang ditonjolkan melalui aktiviti yang menyentuh isu kehidupan seharian. Lantaran itu, komuniti Cina Muslim mengakui bahawa dialog kehidupan memberi faedah bersama, sama ada kepada komuniti Muslim atau bukan Muslim. Ini terbukti apabila hanya 12.8% daripada responden yang menyetujui dialog kehidupan merupakan aktiviti yang membuang masa. Sungguhpun begitu, indikasi sederhana item dialog kehidupan ini adalah bertujuan ‘menyamartakan’ dan ‘menukar’ agama menunjukkan bahawa terdapat segelintir dalam kalangan komuniti Cina Muslim masih kabur tentang konsep dialog kehidupan. Sikap responden terhadap dialog kehidupan sama ada ketika sebelum dan selepas memeluk agama Islam menunjukkan ianya berada pada suasana yang memberangsangkan. Dalam perihal ini, responden mengakui bahawa pemupukan hubungan yang harmonis dengan masyarakat yang berlainan agama berada pada tahap yang tinggi. Ini digambarkan juga melalui pengakuan komuniti Cina Muslim bahawa agama asal menganjurkan agar menghormati, bertoleransi dan bekerjasama dengan

masyarakat Muslim. Berdasarkan hasil dapatan di atas, ternyata matlamat pemupukan hidup yang aman sejahtera juga merupakan sebahagian daripada pengajaran agama bagi komuniti bukan Muslim. Sebarang bentuk implikasi yang buruk hanya boleh dielakkan seandainya dialog kehidupan berasaskan nilai kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan kejujuran ini kekal dihidupkan. Untuk itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden mengakui bahawa proses memupuk hubungan antara agama ini perlulah diasaskan kepada kebijaksanaan (hikmah), kesederhanaan (*wasatiyyah*), mengikuti batas agama Islam dan perlu menjaga keluhuran nilai akhlak mengikut kerangka agama Islam. Sesungguhnya, kemelut yang tidak diinginkan yang telah berlaku di Malaysia memperlihatkan tipisnya hubungan antara agama adalah berpunca dari kurangnya memahami perbezaan yang wujud dalam agama orang lain. Biarpun komuniti Melayu Muslim membentuk lebih 95% daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Terengganu, hasil dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada jumlah responden merasa optimis bahawa dialog kehidupan begitu relevan dalam kehidupan masyarakat majmuk di negeri ini khususnya apabila komuniti ini bertembung dengan anutan, bangsa, budaya dan adat resam yang pelbagai rencam. Atas dasar inilah majoriti responden mengakui bahawa dialog kehidupan mampu mengukuhkan hubungan persaudaraan sesama etnik dan merapatkan hubungan antara etnik. Ini dibuktikan apabila majoriti responden berkeyakinan tinggi bahawa penglibatan dalam dialog kehidupan melahirkan sikap memahami dan menghargai perbezaan, mengikis prejudis dan salah faham dalam beragama. Dengan itu, faktor pemahaman dan sikap responden terhadap dialog kehidupan menjadi tunggak utama dalam menjana persefahaman dalam komuniti yang berbeza agama dan budaya di negeri Terengganu. Bertitik tolak daripada pemahaman ini, ianya memberi inisiatif kepada komuniti Cina Muslim mempromosikan kepercayaan dan budaya asal melalui pelaksanaan dialog kehidupan. Ini menjelaskan


bahawa kefahaman mengenai wujudnya perbezaan dalam agama dan budaya akan sukar dicapai sekiranya komuniti Cina Muslim gagal menjadikan dialog kehidupan sebagai satu bentuk mekanisme hubungan antara kaum pada peringkat akar umbi. Ini menjelaskan bahawa dialog kehidupan boleh menjadi satu strategi yang berperanan mengimbangi komponen pembangunan masyarakat majmuk dengan mengetengahkan perkongsian-perkongsian yang seharusnya menjadi kelaziman dalam kehidupan manusia.

Senario pengalaman dialog kehidupan yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina pada fasa pra konversi memaparkan tahap penglibatan yang pelbagai yakni dari peringkat memerhati sehinggalah melibatkan diri dengan mendalam dalam perkongsian aktiviti yang rencam. Aplikasi pengalaman dialog kehidupan komuniti Cina pra konversi ini ditonjolkan melalui perkongsian budaya rakan yang berlainan agama yang diserlahkan melalui upacara keraian dalam sambutan perayaan, upacara gotong royong dan kenduri-kendara. Bahkan jalinan pengalaman dialog kehidupan juga ditonjolkan dalam perkongsian program agama rakan Muslim di sekolah yang berlaku secara spontan atau melalui penglibatan turut serta dalam aktiviti bilik darjah (*classroom activity*). Hasil dapatan menunjukkan pengalaman awal dialog kehidupan pra konversi komuniti Cina dengan masyarakat Melayu Muslim memperlihatkan ianya berada pada tahap yang agak sederhana. Termasuk juga di sini aktiviti-aktiviti yang jelas memaparkan adanya elemen-elemen agama Islam biar pun skala min yang diperolehi hanya 2.91 mata. Namun begitu, pengalaman perkongsian dialog kehidupan dalam suasana '*informal experience*' pra konversi komuniti Cina dengan masyarakat Melayu Muslim kadang kala memaparkan penglibatan pada tahap yang tinggi khususnya apabila melibatkan perkongsian upacara sambutan hari raya, meraikan rakan Muslim

berpuasa pada bulan Ramadan dan menemani rakan Muslim ke masjid atau ke surau. Ini menjelaskan bahawa pengalaman akulturasi budaya Melayu yang telah sedia berlaku menjadikan sebahagian besar komuniti Cina agak mudah menjalinkan hubungan sosial dengan masyarakat Muslim tempatan. Ciri inilah sebenarnya yang membezakan komuniti Cina di negeri Terengganu dengan komuniti Cina di negeri-negeri lain di Malaysia. Selain menjadi instrumen pembelajaran agama dan budaya masyarakat lain, ternyata dialog kehidupan dapat meluaskan lagi horizon pemikiran agama dan ‘*world view*’ responden. Pengalaman tersebut selanjutnya membuka ruang secara spontan kepada komuniti Cina pra konversi memerhati fenomena keagamaan yang berlaku dalam komuniti Muslim dalam segenap kehidupan khususnya dari aspek amali hinggalah ke aspek perilaku. Ini bermakna, proses ini memperlihatkan bahawa dalam kalangan masyarakat Cina pra konversi cuba memahami fenomena yang berlaku dalam komuniti Muslim secara jujur dan ikhlas. Boleh dikatakan bahawa faktor keakraban memungkinkan komuniti Cina pra konversi bertanya secara langsung (berdialog) perihal agama masyarakat Muslim bagi memahami fenomena agama Islam secara lebih mendalam. Penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam dialog kehidupan dengan rakan Muslim selanjutnya membentuk kefahaman baru terhadap agama Islam dan masyarakat Muslim yang sebenarnya. Justeru, semakin kerap masyarakat Cina terlibat dalam dialog kehidupan semakin banyak pertanyaan dan persoalan tentang agama masyarakat lain yang timbul. Dalam kata yang lain, apabila proses dialog kehidupan yang berlaku secara berulang-ulang menjadikan mereka lebih bersedia untuk melakukan perubahan terhadap diri sendiri. Maka dengan itu, tidak menghairankan kefahaman dan gambaran awal tentang agama Islam ini mendorong dalam kalangan komuniti Cina melakukan konversi agama. Ini terbukti apabila 79.1% responden mengakui bahawa penglibatan dalam dialog kehidupan sedikit sebanyak merangsang komuniti Cina

melakukan pemelukan agama Islam. Perjalanan dialog kehidupan komuniti Cina memperlihatkan proses eksplorasi minda dengan memahami, meneroka, menyelidik dan mempelajari rahsia di sebalik kehidupan beragama orang lain. Proses ini selanjutnya diproduksikan dengan menerima perbezaan yang wujud malah kebenaran agama Islam diserlahkan apabila dalam kalangan komuniti Cina melakukan konversi agama. Ini bermakna dialog kehidupan dengan rakan Muslim sedikit sebanyak melunturkan pegangan agama asal. Berpandukan kepada hasil kajian juga, adalah jelas bahawa pengalaman dialog kehidupan yang dilalui oleh Saudara Baru memperlihatkan cabaran yang pelbagai. Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga bentuk hubungan antara agama yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina ketika pra konversi iaitu mengambil pendirian menjauhi aktiviti masyarakat Muslim, penglibatan secara berhati-hati dan mengambil sikap tidak peduli. Dalam konteks ini, hubungan yang berhati-hati merupakan fenomena yang paling banyak ditemui dalam kalangan komuniti Cina. Secara ringkasnya pengalaman dialog kehidupan berdasarkan komuniti Cina pra konversi di negeri Terengganu di jelaskan sebagaimana rajah 6.1 di bawah.

Rajah 6.1: Pengalaman Dialog Kehidupan Komuniti Cina Pra Konversi di Negeri Terengganu.



Sumber: Dokumen dan kajian lapangan

Selanjutnya, kajian menjelaskan pengalaman aplikasi komuniti Cina Muslim dalam dialog kehidupan intra etnik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, tahap hubungan responden 'sebelum konversi' dengan keluarga berada dalam skala yang sangat tinggi. Ini dibuktikan apabila skor min yang diperolehi adalah (4.12) atau 89.6% mengakui mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli keluarga bukan Muslim. Namun begitu, hubungan sesama etnik selepas konversi agama Islam memperlihatkan pola yang semakin menurun apabila kebanyakan hasil dapatan menunjukkan skala yang agak sederhana. Ini menunjukkan, hubungan intra etnik komuniti Cina diwarnai pelbagai bentuk polemik, prejudis dan konflik. Kajian mendapati terdapat empat bentuk hubungan dalam menjalinkan hubungan antara agama dengan pihak keluarga dan masyarakat asal tersebut ialah hubungan yang neutral, tegang, akomodasi dan saling menyokong. Hasil kajian mendapati, kebanyakan komuniti Cina Muslim sekurang-kurangnya berhadapan hubungan tegang sementara dengan keluarga ekoran timbul salah faham dan rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli keluarga terhadap pemelukan agama Islam. Hasil dapatan menunjukkan 60.5% daripada responden berhadapan tempoh yang lama untuk membina semula hubungan dengan keluarga asal. Sememangnya, komuniti Cina Muslim bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan kepada komuniti bukan Muslim bagi menyampaikan mesej-mesej yang baik agama Islam. Ini bermakna pemurnian dua nilai yang menjadi teras dua komuniti ini menjadi mudah disepadukan melalui peranan Saudara Baru Cina sendiri. Selanjutnya, perihal ini menafikan persepsi silap dalam kalangan keluarga bukan Muslim seperti 'menjadi Melayu', 'pengkhianat bangsa' dan '*Jip Huan*' lantaran pemelukan ahli keluarga terhadap agama Islam. Selain itu, konflik inter etnik sesama

agama (Cina Muslim dan Melayu Muslim) berpunca kerana masalah kecil seperti bahasa, makanan, adat dan budaya. Biar pun begitu polemik ini tampak tidaklah begitu terserlah jika dibandingkan konflik yang berlaku dalam kehidupan keluarga asal. Biarpun begitu, situasi semasa menunjukkan hubungan responden dengan ahli keluarga bukan Muslim masih berada pada tahap yang sederhana.

Terdapat dua bentuk pengalaman aplikasi dialog kehidupan responden ditonjolkan dalam menjalinkan semula hubungan dengan keluarga asal. Bentuk pertama ialah pengalaman dialog kehidupan yang memaparkan perkongsian budaya dan adat resam yang diwarisi seperti kunjungan ziarah, sambutan Tahun Baru Cina, melibatkan diri dalam pesta tanglung, persembahan tarian singa, meraikan perkahwinan dan pengurusan kematian ahli keluarga bukan Muslim. Matlamat dialog kehidupan sedemikian ialah mengubah persepsi negatif keluarga asal apabila ahli keluarga ‘menjadi Muslim’ khususnya dalam konteks hubungan kekeluargaan dan perkongsian adat resam yang diwarisi. Bentuk kedua pula ialah pengalaman dialog kehidupan yang memaparkan penglibatan dalam amalan yang lazim dilakukan oleh komuniti Muslim seperti melaksanakan solat, berbuka puasa, menutup aurat dan sambutan hari kebesaran Islam. Penglibatan ahli keluarga bukan Muslim dalam aktiviti sebegini mendedahkan secara langsung nilai-nilai agama Islam sama ada aspek perilaku, praktis agama atau kepercayaan. Proses pengukuhan hubungan intra etnik yang mengambil kira batasan syariat dari aspek makan, minum, amalan ritual dan kepercayaan memperlihatkan komuniti Cina Muslim melalui beberapa tahap dalam membina semula hubungan dengan ahli keluarga yang bukan Muslim. Ternyata pengalaman dialog kehidupan perkongsian aktiviti dengan komuniti asal membetulkan stereotaip negatif ahli keluarga terhadap agama Islam dan masyarakat Muslim. Jelasnya, semangat cintakan



keluarga dan bangsa bersama dengan perasaan taat setia terhadap pegangan agama Islam melahirkan kesedaran yang komuniti Cina Muslim adalah tersendiri dan mempunyai keperibadian yang tersendiri. Justeru itu, hasil dapatan selanjutnya mendapati majoriti komuniti Cina Muslim agak rendah dalam melibatkan diri dalam aspek yang begitu ketara memaparkan unsur-unsur kepercayaan asal seperti meraikan *Ching Ming*, terlibat dalam ritual pengurusan kematian dan melawat rumah ibadah agama asal (kuil). Pembudayaan komuniti Cina Muslim dalam dialog kehidupan ini agak rendah bagi mengelakkan daripada melaksanakan sebarang perkara yang bertentangan dengan agama Islam dan tidak menimbulkan kegusaran dalam kalangan komuniti Muslim yang lain di sekeliling. Pengalaman dialog kehidupan komuniti pasca konversi sebenarnya merujuk kepada proses penggarapan nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan massa. Justeru, satu implikasi yang penting dalam pemupukan hubungan intra etnik komuniti Cina Muslim ini ialah jalinan dialog kehidupan yang mengambil kira batasan syariat agama akhlak Islam dan menangani unsur-unsur budaya secara kritis dan kreatif. Ia sekali gus memperlihatkan sikap keyakinan diri untuk hadir di pentas dialog kehidupan dengan bersikap terbuka khususnya dalam pemupukan hubungan persaudaraan yang berlainan pegangan agama.

Hasil kajian menunjukkan pengalaman dialog kehidupan intra etnik dalam kalangan komuniti Cina di negeri Terengganu memberi impak yang cukup besar dalam hubungan keluarga yang berlatarkan agama yang berbeza. Kebanyakan responden bersetuju (S & SS) dengan skala yang sederhana bahawa dialog kehidupan mampu membetulkan salah faham beragama dalam kalangan ahli keluarga, mengendurkan ketegangan, memupuk toleransi dan menerima perbezaan yang wujud. Ini bermakna dalam konteks hubungan antara keluarga Saudara Baru Cina di negeri Terengganu,

dialog kehidupan mampu membetulkan pemikiran yang bersifat rigid, simplistik dan literalis terhadap pemahaman terhadap agama Islam atau masyarakat Muslim. Sekaligus, jalinan perkongsian hidup melalui pelaksanaan dialog kehidupan mampu membina suatu definisi dan dimensi baru terhadap hubungan antara agama yang benar-benar memahami sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Tidak setakat itu sahaja, melalui pengalaman tinggal sebumbung khususnya dalam konteks perkahwinan campur, ianya memaparkan perkongsian jalinan dialog kehidupan antara kaum dan agama yang lebih mendalam. Pun begitu, hasil kajian mendapati *respons* ahli keluarga Melayu Muslim dalam penglibatan dialog kehidupan masih lagi rendah kerana timbul perasaan tabo (rasa terlarang) dalam beberapa perkara seperti anggapan bahawa makanan yang dihidangkan oleh keluarga bukan Muslim tidak suci dan tinggal di rumah keluarga Cina adalah tidak bersih. Sikap dan pola sedemikian sedikit sebanyak menimbulkan sedikit salah faham dan ketegangan dalam hubungan komuniti Melayu Muslim, Cina Muslim dan Cina bukan Muslim.

Sebagaimana yang telah dijelaskan hubungan pra konversi komuniti Cina-Melayu Muslim di negeri Terengganu memperlihatkan penglibatan dialog kehidupan berlaku dalam skala sederhana. Namun begitu, pengalaman pasca konversi memperlihatkan hubungan komuniti Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim dalam pengalaman dialog kehidupan berada dalam skala yang tinggi. Ini bermakna, konversi agama Islam mengukuhkan lagi hubungan sosial yang telah berlaku kerana faktor persamaan agama. Justeru, hasil dapatan menunjukkan dialog kehidupan yang berlaku di antara komuniti Cina Muslim dan komuniti Melayu Muslim berada dalam situasi dalam saling menyokong antara satu sama lain. Ini dibuktikan apabila hanya segelintir dalam kalangan responden berhadapan dengan hubungan yang bermasalah

dengan komuniti Melayu Muslim. Manifestasi perkongsian pengalaman dialog kehidupan sesama Muslim ini terserlah begitu tinggi ditonjolkan melalui aktiviti perkongsian sambutan hari raya dan aktiviti keagamaan. Biar pun begitu, hasil dapatan menunjukkan komuniti Cina Muslim yang melibatkan diri dalam jawatankuasa yang melibatkan pelbagai etnik seperti jawatan kuasa Masjid atau surau adalah agak sederhana. Kajian juga memperlihatkan konversi agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina mendorong komuniti ini cenderung menyerap nilai budaya masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian. Ini dipaparkan melalui cara pemakaian, pemakanan, pemilihan rakan perkongsian dan pemilihan tempat tinggal. Pengalaman turut serta penulis sendiri memperlihatkan bahawa kebanyakan komuniti Saudara Baru Cina memilih untuk tinggal dalam lingkungan komuniti Melayu Muslim, manakala anak-anak lebih cenderung dibesarkan dalam suasana pembudayaan masyarakat Melayu Muslim. Begitu juga, hasil kajian soal selidik juga menunjukkan bahawa responden lebih selesa untuk tinggal dalam kelompok komuniti Melayu Muslim berbanding kelompok asal. Ini bermakna wujud kecenderungan dalam kalangan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu untuk berasimilasi budaya Melayu Muslim. Manakala bagi komuniti Cina Muslim yang bukan berasal dari Terengganu, maka ketumpuan memahami budaya masyarakat Melayu Muslim sedikit sebanyak memberi tekanan kepada komuniti ini dalam menjalinkan dialog kehidupan dengan masyarakat Melayu Muslim tempatan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati sebahagian komuniti Cina pernah melalui tinggal dengan keluarga angkat dari kalangan komuniti Melayu Muslim selepas memeluk agama Islam. Ruang perkongsian hidup dengan keluarga angkat sebenarnya mengisyaratkan sikap dan gambaran tentang fenomena dialog kehidupan inter etnik dan intra agama. Justeru, pemerhatian dan penglibatan Saudara Baru Cina dalam perkongsian aktiviti dalam lingkungan keluarga angkat memberi kefahaman yang lebih

kelas tentang fenomena yang sebenarnya yang berlaku dalam kehidupan seharian komuniti Melayu Muslim dengan lebih dekat dan menyeluruh. Secara keseluruhannya, pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina pasca konversi agama di negeri Terengganu adalah sebagaimana rajah 6.2 di bawah:

Rajah 6.2 : Pengalaman Dialog Kehidupan Komuniti Cina Pasca Konversi



Sumber : Kajian Lapangan (Kajian Kualitatif & Soal selidik)

Hasil dapatan selanjutnya mendapati badan-badan dakwah di negeri Terengganu seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu, Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Darul Fitrah dan *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) memainkan peranan yang tersendiri dalam mempromosikan dialog kehidupan. Walaupun pelbagai program yang ditonjolkan oleh badan ini dalam merapatkan hubungan antara agama dan kaum di negeri Terengganu, namun maklum balas yang diberikan oleh responden berada pada skala sederhana. Melalui pengalaman penulis sebagai ahli jawatan kuasa Persatuan Darul Fitrah yang sekaligus melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti yang dijalankan, dapatlah dinyatakan bahawa meskipun pelbagai bentuk aktiviti yang mengandungi elemen dialog kehidupan dianjurkan namun ianya tidaklah menyeluruh. Maksudnya program-program


ini dilakukan secara berkala, banyak ditumpukan di daerah Kuala Terengganu di samping kekangan masalah dana dan tenaga. Jadi, permasalahan sedemikian memberi kesan sedikit sebanyak terhadap keberkesanan pelaksanaan program yang dianjurkan. Biar pun begitu, hasil kajian menunjukkan melalui peranan yang dimainkan oleh badan-badan dakwah, salah faham masyarakat antara etnik dan agama mampu diperbetulkan melalui penglibatan aktiviti yang melibatkan komuniti Cina Muslim, ahli keluarga bukan Muslim dan masyarakat Melayu Muslim. Aktiviti sambutan kebudayaan asal diketengahkan menunjukkan syariat agama Islam memberikan ruang legar yang cukup luas dalam pelaksanaan dialog kehidupan. Sememangnya, penglibatan komuniti Cina Muslim dalam dialog kultural ini adalah demi menjaga kelangsungan hubungan keluarga yang sememangnya sedia terjalin rapat sebelumnya. Berlatarkan senario ini, penganjuran aktiviti kebudayaan komuniti Cina dapat menjelaskan kepada masyarakat Melayu Muslim bahawa Islam merupakan agama hak milik yang bersifat universal. Selain mengikis persepsi tidak benar dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat Cina bukan Muslim tentang agama Islam, aktiviti yang dilaksanakan dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan menjalinkan perkenalan antara komuniti Melayu Muslim dan masyarakat Cina bukan Muslim. Selain itu, faktor penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam dialog kehidupan banyak dipengaruhi oleh naluri ingin tahu khususnya setelah membaca atau menerima siaran media bahan-bahan yang berkaitan tentang agama Islam.

Selanjutnya, hasil kajian menunjukkan dialog kehidupan komuniti Cina pasca konversi dengan masyarakat Melayu Muslim banyak berlaku dalam suasana saling menyokong. Selain itu hasil dapatan menunjukkan penggunaan bahasa Melayu sebagai satu wasilah bukanlah menjadi masalah utama bagi komuniti Cina Muslim melibatkan

diri dalam dialog kehidupan dengan komuniti Melayu Muslim setempat. Kajian mendapati segelintir dalam kalangan komuniti Saudara Baru Cina ini mengakui bahawa mereka masih dipandang rendah yang menyebabkan timbul rasa kurang selesa untuk melibatkan diri dalam dialog kehidupan dengan komuniti Melayu Muslim. Hasil kajian juga mendapati, golongan wanita lebih tinggi terdedah kepada cabaran berbanding golongan lelaki ketika melaksanakan dialog kehidupan. Manakala golongan yang memeluk agama Islam melebihi 15 tahun ke atas memperlihatkan penghayatan nilai toleransi yang lebih tinggi berbanding kelompok yang memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun dan 6 hingga 15 tahun. Ini bermakna, semakin lama Saudara Baru melalui tempoh pengislaman maka semakin terserlah nilai dan sikap toleransi dalam diri.

Secara keseluruhannya, persepsi komuniti Cina Muslim terhadap konsep-konsep dialog kehidupan berada pada skala yang sederhana dan kalanya tinggi, aplikasi dialog kehidupan pra konversi pula menunjukkan item berada pada tahap yang sederhana, manakala aplikasi dialog kehidupan komuniti pasca konversi intra etnik juga berada pada tahap sederhana. Walaupun begitu, aplikasi dialog kehidupan komuniti Cina Muslim inter etnik pula menunjukkan skala yang tinggi. Faktor penglibatan dan cabaran yang dilalui oleh komuniti ini ketika melaksanakan dialog kehidupan berada tahap yang sederhana dan kadang kalanya rendah. Gambaran dijelaskan sebagaimana di bawah:

Rajah 6.3: Pengalaman Dialog Kehidupan. Sebelum Dan Selepas Konversi Komuniti Cina Muslim



Sumber: Kajian lapangan (Data Kualitatif dan Soal Selidik)

### 6.1 Cadangan Kajian

Masyarakat Malaysia termasuk di negeri Terengganu yang berbilang bangsa sentiasa bertemu di pasar, di tempat awam, di sekolah dan pejabat kerana atas urusan kerja. Jadi, melalui pertemuan ini secara tidak langsung membuka ruang masyarakat yang berbilang bangsa dan anutan agama untuk saling kenal-mengenal dan berinteraksi dengan baik. Sememangnya tidak dinafikan bahawa kesemua agama di dunia ini menganjurkan agar melakukan kebaikan dan bertoleransi terhadap masyarakat yang berbeza agama. Hal ini diprakui oleh majoriti responden yang menyatakan bahawa agama asal mempromosikan agar melakukan kebaikan, kerjasama dan bertolak ansur dengan agama lain. Menyedari konversi agama sering kali menjerumuskan Saudara Baru dalam konflik dengan keluarga bukan Muslim dan masyarakat Muslim asal, dengan demikian amalan seperti kunjung ziarah, menghormati amalan agama yang lain dan melibatkan aktiviti yang boleh mengarahkan kepada pemupukan hubungan antara agama wajar disuburkan selagi mana perkara ini dibenarkan oleh syariat Islam. Ini adalah kerana, perkongsian

komuniti yang berlatarkan kepercayaan dan budaya yang berbeza ini mampu mendedahkan setiap anggota yang terlibat melihat lebih dekat fenomena agama yang berlaku dalam kehidupan rakan yang berbeza agama. Oleh itu badan-badan dakwah dan NGO Saudara Baru Terengganu seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA), Persatuan Darul Fitrah, Persatuan India Muslim (KIMMA) perlulah mengambil prakarsa dengan melaksanakan program-program pembinaan dan pengukuhan hubungan yang merentasi agama dan budaya. Dalam kata lain, dialog kehidupan melalui program silang budaya mampu memberi gambaran sebenar cara hidup, budaya dan agama masyarakat lain secara jujur. Lebih-lebih lagi situasi Saudara Baru yang telah sedia maklum tentang latar belakang agama dan budaya asal memudahkan pelaksanaan dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti dengan keluarga asal.

Selanjutnya agensi kerajaan di pelbagai sektor dan badan-badan NGO seperti MACMA, KIMMA dan PERKIM hendaklah mengambil usaha-usaha pemupukan hubungan antara kaum dan agama melalui pendekatan dialog kehidupan. Melalui peranan kerajaan dan badan-badan NGO ini, aktiviti-aktiviti dialog kehidupan yang mengarahkan kepada hubungan yang memperteguh jalinan kemesraan yang boleh dijalinakan seperti aktiviti gotong-royong, sambutan perayaan, amalan kunjungan ziarah. Peribahasa ‘bersatu teguh, bercerai roboh’ menggambarkan betapa perlunya sinergi dari semua pihak tanpa mengira jenis agama dan etnik bagi memastikan keamanan yang dirasai berpanjangan. Justeru, manifestasi sebegini boleh dirangka melalui peranan rukun tetangga atau jiran tetangga dengan membawa ke tengah bentuk-bentuk kerjasama melalui mekanisme dialog kehidupan yang menghembuskan nilai-nilai kasih



sayang, hormat-menghormati, harga menghargai dan bertoleransi. Dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti kemasyarakatan ini menjadi wadah yang terbaik bagi memupuk semangat perpaduan dan ianya yang perlu ada dalam diri setiap rakyat seiring dengan hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu walaupun berbeza bangsa mahupun agama. Serentak dengan itu, menerusi program sebegini, pelbagai lapisan masyarakat yang hadir dapat berkomunikasi serta bertukar-tukar idea dan pendapat berkaitan tentang sesuatu isu. Melalui peranan pemerintah, program sebegini boleh dimanifestasikan pada semua peringkat masyarakat sama ada di sekolah, universiti, taman perumahan, pejabat dan sebagainya.

Selanjutnya, bagi menyuburkan hubungan antara kaum di Malaysia, kajian semasa yang bervariasi R & D (*Research And Development*) yang berkaitan dialog kehidupan dalam pelbagai masyarakat wajar diperkasakan pada peringkat tinggi, sederhana dan awal agar pemikiran yang mendorong terhadap pembangunan negara khususnya dalam aspek hubungan antara agama dapat disemai. Termasuk juga di sini membangunkan reka bentuk soalan dialog kehidupan bagi memastikan dialog yang dianjurkan tercapai matlamatnya. Implikasi dialog kehidupan mampu menterjemahkan hubungan agama sebenar yang berlaku dalam sesebuah masyarakat sama ada di bandar atau di kampung. Untuk itu, pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian tentang dialog kehidupan wajar dikembangkan di tempat-tempat yang lain kerana masalah hubungan antara kaum dan agama boleh berlaku di mana-mana.

Ternyata hasil kajian memperlihatkan bahawa dialog kehidupan melalui pengalaman pra konversi melalui 'pendidikan bersama-sama' memberi impak yang positif kepada komuniti Cina yang wujud dalam kehidupan rakan yang berbeza agama. Ini bermakna, pemupukan hubungan antara kaum dan agama seharusnya bermula dari didikan anak-anak di rumah melalui penggemblengan aktiviti dialog kehidupan. Pemupukan nilai

murni dan persefahaman adalah lebih mudah dilaksanakan semasa kanak-kanak kerana mereka lebih mudah membina persepsi dan 'world view' yang tersendiri. Sekaligus ia mendedahkan setiap peserta untuk menghargai, menerima dan menghormati perbezaan yang ada pada masyarakat lain. Jalinan dialog kehidupan yang berlaku di pusat pendidikan ini menjadi satu mekanisme kawalan agar masalah prasangka, ekstrem dan fatalisme tidak menjadi semakin buruk khususnya dalam pemikiran sarwa masyarakat. Sesungguhnya di sekolah yang merangkumi pelajar yang pelbagai etnik, nilai-nilai kemanusiaan seperti toleransi, kerjasama, berbaik sangka, kekitaan, hormat menghormati di antara satu sama lain mampu diperkukuhkan melalui penglibatan bersama dalam aktiviti yang dirancang atau sebaliknya.

Nyata sekali bahawa salah satu faktor yang menyumbang pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina ialah penglibatan dalam dialog kehidupan bersama rakan Muslim di sekolah yang sama. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa wujud kegusaran dalam kalangan masyarakat Cina bukan Muslim dengan fenomena konversi agama Islam hasil dialog kehidupan yang berlaku di sekolah. Justeru, kebimbangan terhadap pengaruh pendidikan agama Islam di sekolah ini menyebabkan dalam kalangan ibu bapa Cina bukan Muslim lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan Cina atau swasta. Untuk itu, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan wajar dilakukan bagi melihat korelasi dialog kehidupan di sekolah kerajaan terhadap penentuan pemilihan sekolah jenis kebangsaan dan swasta dalam kalangan ibu bapa yang bukan Muslim.

Biarpun kemungkinan inisiatif kajian ini dilihat begitu kecil peranannya, namun ia mampu membuahkan perubahan besar kerana dapat menghilangkan sebarang bentuk perasaan negatif dalam kalangan masyarakat yang pelbagai agama. Justeru, ilmu tentang

dialog kehidupan sama ada secara teori dan praktikal didedahkan seawal mungkin agar kelestarian budaya dan agama etnik sentiasa dilihat relevan dan tidak tenggelam dalam kitaran masa.